



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### ISU PRODUK BUAH DELIMA (POMEGRANATE) SEJUKBEKU IMPORT YANG DIKAITKAN DENGAN VIRUS HEPATITIS A

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan akhbar bertajuk "*Hepatitis A in NSW linked to frozen fruit*" dan "*Recall of creative gourmet frozen pomegranate linked to Hepatitis A outbreak*" yang disiarkan melalui akhbar dalam talian *7 News Sydney* <https://www.au.news.yahoo.com> pada 6 April 2018 dan 7 April 2018. Akhbar tersebut melaporkan tujuh kes Hepatitis A di *New South Wales*, Australia yang dikaitkan dengan produk buah delima (pomegranate) sejukbeku yang dimport dan dijual di rangkaian pasaraya *Coles*.

Mengikut *New South Wales Food Authority* pada 9 April 2018, sebagai langkah berjaga-jaga syarikat *Entyce Food Ingredients* sedang membuat penarikan balik *Pomegranate Arils* berjenama *Creative Gourment* yang diimport dari Mesir dan dijual di pasaraya *Coles*. Produk yang terlibat adalah produk buah delima sejukbeku, berat 180g dengan tarikh baik sebelum dan termasuk 21 Mac 2020.

Makanan yang telah dicemari dengan virus Hepatitis A boleh menyebabkan radang atau bengkak hati. Jangkitan virus Hepatitis A boleh merebak melalui makanan yang tercemar atau pengendalian yang

tidak bersih. KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sedang menjalankan pemantauan di semua pintu masuk dan sebagai langkah berjaga-jaga, produk buah delima sejukbeku dari Mesir akan dikenakan pemeriksaan tahan, uji, lepas di mana sampel akan diambil untuk analisis dan produk tersebut hanya akan dilepaskan sekiranya keputusan analisis menunjukkan tiada pencemaran virus Hepatitis A.

Semua makanan yang diimport ke negara ini perlu mematuhi peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Pihak yang terlibat seperti pengimport, agen, penjual dan sebagainya untuk memastikan produk makanan yang diimport dan dijual di pasaran mematuhi perundangan makanan. Kegagalan mematuhi peraturan tersebut adalah satu kesalahan dan jika disabit kesalahan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga (3) tahun atau denda atau kedua-duanya.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq).

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**9 APRIL 2018**